



BARISAN KARYAWAN: Dari kiri : Mainnie Angkasau (Audio), Nurul Amira Rohazat (Penolong Pengarah), Dg.fithriyaani Brawi (Penata Rias dan Busana), Mensuan Junis (Editor), Syierah Fathiah Sapilin (Pengarah), Esther Ena Dania (Pengurus props dan set), Nor Azwana Muhammad (Continuity), Dk Nurul Iffah Izzati Pg Kamaludin (Pengurus Produksi), Nurul Ain Fitriza Hasssan (Pencahayaan), Eveyanna Hussian (Jurukamera).

Filem 'Ilusi' bakal menggegarkan UMS

VB 17.11.2019 15

'ILUSI' merupakan sebuah filem pendek yang dihasilkan oleh pelajar tahun akhir Seni Kreatif dari Universiti Malaysia Sabah.

Filem ini dihasilkan oleh CrackOne Production yang terdiri daripada 11 orang krew dan dipimpin oleh Cik Syierah Fathiah Sapilin selaku pengarah produksi.

Ilusi merupakan filem bergenre Triller cuba yang berkisar tentang bisikan suara yang muncul dalam kehidupan Zaim.

Ketika dia berusaha untuk membetulkan kehidupannya, timbulnya gangguan yang ingin

menjatuhkan dirinya terutama dari segi mental pemuda itu.

Filem ini akan menguji kekuatan hubungan antara adik-beradik, hubungan bersama sahabat baik dan hubungan bersama rakan sekerja.

Dalam filem ini, orang ramai akan dapat melihat isu yang dibangkitkan dalam lakonan yang dibawa iaitu isu mental awareness yang sering dipandang serong oleh masyarakat sekeliling dan isu tentang penindasan masyarakat sehingga kesalahan kecil boleh membawa kepada perlakuan

melampau yang melibatkan pembunuhan.

Orang ramai yang ingin datang untuk menyaksikan fillem Ilusi, filem ini akan mula ditayangkan pada 11,12 dan 13 Disember 2019 di Theattrette Ahmad Nisfu, Blok Seni, Universiti Malaysia Sabah.

Tiket untuk masuk ke tayangan filem Ilusi akan mula dijual pada 22 November 2019 dengan harga serendah RM3.00 sahaja.

Orang ramai yang ingin mendapatkan tiket filem Ilusi boleh menghubungi Cik Esther Ena Dania di nombor 0128652982.